

Kajian Tinjauan Penggunaan Jenis Peranti dan Status Capaian Internet Terhadap Kesiediaan Pelajar Mengikuti PdPR Semasa Penularan Pandemik Covid-19

(A Survey Study of How Types of Gadget and Internet Access Influenced Students' Online Learning During the Covid-19 Pandemic)

Nur Farhana Shamsuddin^{1*}, Nurfaradilla Mohamad Nasri¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p106006@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.5>

Abstrak: Kajian ini membincangkan pengaruh penggunaan jenis peranti dan status capaian internet terhadap kesiediaan pelajar mengikuti PdPR. Aspek jenis peranti, jenis pakej internet dan peruntukan bulanan untuk membeli internet ditekankan dalam kajian ini. Populasi kajian ini adalah pelajar – pelajar yang mengikuti PdPR di sekitar Lembah Klang. Seramai 40 orang pelajar dipilih sebagai sampel dalam kajian ini yang merangkumi pelajar prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan kolej atau universiti. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan borang soal selidik digital sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menggunakan alat peranti elektronik dan pakej internet yang minima bagi mengikuti PdPR mereka. Adalah diharapkan dapatan kajian ini memberi maklumat kepada guru bagi menyesuaikan kaedah pengajaran dengan kesiediaan dan keadaan persekitaran para pelajar. Begitu juga diharapkan kajian ini memberi gambaran kepada kerajaan tentang situasi dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dan guru bagi meneruskan PdPR.

Kata kunci: jenis peranti, status capaian internet, kelancaran PdPR

Abstract: This study discussed how types of gadget used and internet access status influenced the students' online learning. Aspects like types of gadget, internet packages and monthly expenditure on internet purchase highlighted in this study. This study was conducted among students who lived in Klang Valley from preschool, primary school, secondary school and college/university. The study uses a digital questionnaire in Google Form. The findings show most samples use minimal types of gadget which is smartphone and minimal internet access package. The findings obtained allowed teachers to suit their teaching approach based on their students' need.

Keywords: types of gadget, internet access, online learning

1. Pengenalan

Pada akhir Disember 2019, satu wabak telah ditemui di wilayah Wuhan, China. Wabak ini merebak dengan sangat pantas (Xiang et al, 2020). Wabak ini telah menjangkiti hampir di

seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan virus ini yang dinamakan Virus Corona 2019 (Covid-19) sebagai satu pandemik berikutan wabaknya telah menular hampir di seluruh dunia. Bagi menyekat penularan ini, sebahagian negara-negara besar mengenakan arahan penjarakan fizikal dan mewajibkan pemakaian pelitup muka. (Gonzalez et al, 2020). Arahan-arahan ini telah memberi kesan kepada keseluruhan sektor negara seperti sektor ekonomi, kewangan dan sosial termasuk pendidikan. Aktiviti pendidikan secara formal yang melibatkan hampir 600 juta pelajar ini terjejas berikutan situasi ini sama ada di peringkat sekolah mahu pun institusi pengajian tinggi (Goyal, 2020).

Pada 16 Mac 2020, kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh di seluruh Malaysia. Walaupun PKP dijalankan, namun aktiviti-aktiviti pendidikan tetap diteruskan. Berdasarkan satu kajian Wu (2019), walaupun isu pandemik ini telah berlaku di China, permintaan terhadap sektor pendidikan dilihat semakin meningkat. Ini kerana pembinaan modal insan, isu keselamatan dalam pekerjaan dan persediaan pekerjaan untuk anak-anak pada masa akan datang dititikberatkan (Fairus, 2020). Dalam situasi penularan wabak Covid-19 ini, tenaga-tenaga pengajar melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (Abidah et al. 2016). Satu sistem Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meneruskan aktiviti pendidikan di Malaysia. Para pelajar dan guru akan melaksanakan aktiviti pembelajaran di rumah masing-masing dengan menggunakan alat peranti elektronik. Walaupun terdapat banyak kajian yang mendapati sesi pembelajaran secara maya telah dilaksanakan dengan baik serta mendapat sambutan dari para pelajar tetapi masih terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh para pelajar dan guru seperti isu capaian internet, kemudahan alatan elektronik serta masalah pelajar kurang minat dalam pembelajaran. Selain itu, kita juga melihat murid sering berhadapan dengan gangguan semasa PdPR dijalankan. Terdapat segelintir murid-murid yang merasakan PdPR adalah tidak berkesan kemudian enggan mengikuti PdPR.

2. Ulasan Kajian Lepas

Perkembangan teknologi telah mula pesat sejak tahun 2000 (Kargar & Azimadeh, 2009). Pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan dan interaksi sosial telah aktif menggunakan internet sebagai satu corak perhubungan. Satu kenyataan akhbar Daily Express (2007) menunjukkan statistik sebanyak 900,000 orang pengguna internet di Malaysia, namun angka ini sebenarnya hanyalah 8% daripada keseluruhan penduduk negara ini. Ini selaras dengan kenyataan akhbar The Star (2007) yang turut menyatakan isu yang hampir serupa iaitu hanya 30% daripada kira-kira 300,000 orang guru di Malaysia memiliki komputer riba dan hanya 20% sahaja yang mempunyai akses internet. 9 tahun kemudian, pada tahun 2017 satu kajian yang dijalankan oleh Noor Ashikin dan Kamisah menyatakan penggunaan web masih pada tahap minimum. Pada tahun 2020, satu lagi kajian dibuat oleh Marni Izzati (2020) juga mendapati penggunaan pembelajaran maya masih kurang dan perlu dipertingkatkan.

Terdapat kekangan-kekangan semasa proses pembelajaran dalam talian seperti capaian internet yang lemah, masalah peranti atau sikap sebahagian pelajar membantutkan proses pembelajaran mereka. Dari aspek mendapat capaian internet yang kuat, pelajar dari keluarga yang berpendapatan tinggi lebih bersedia berbanding pelajar dari kumpulan berpendapatan sederhana (Fairus, 2020). Ini kerana keluarga yang berpendapatan tinggi mempunyai peluang melanggan internet. Capaian internet yang baik juga tertakluk kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Ali, Uppal dan Gulliver (2017). Terdapat 4 halangan utama kepada pelaksanaan pendidikan maya iaitu teknologi, individu,

pedagogi dan persekitaran. Stacy, Meredith dan Christian (2018) dalam kajiannya selain daripada capaian internet yang baik dan kemudahan peranti mudah alih, para guru dan pelajar juga memerlukan motivasi yang tinggi agar pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

3. Dapatan Kajian

Jadual 1: Butiran sampel

Peringkat pendidikan	Jantina		Jumlah bilangan	Peratusan
	Lelaki	Perempuan		
Prasekolah	4	1	5	12.50%
Sekolah Rendah	6	11	17	42.50%
Sekolah Menengah	2	5	7	17.50%
Kolej/Universiti	2	9	11	27.50%

Jadual di atas menunjukkan sampel yang digunakan dalam kajian ini. Sampel adalah terdiri daripada pelajar sekolah prasekolah (12.5%), pelajar sekolah rendah (42.5%), pelajar sekolah menengah (17.5%) dan pelajar kolej universiti (27.5%)

Jadual 2: Analisa jenis peranti yang gunakan

Jenis peranti	Bilangan	Peratusan
Telefon pintar	26	65.0%
Tablet	2	5.0%
Komputer riba	11	27.5%
Komputer	1	2.5%

Jadual di atas menunjukkan analisa jenis peranti yang digunakan oleh sampel. Kajian mendapati majoriti sampel menggunakan telefon pintar sebagai gajet semasa PdPR. Kita dapat rumuskan di sini bahawa kebanyakan pelajar atau ibu bapa yang hanya mampu menyediakan alat peranti yang minima, iaitu telefon bimbit bagi urusan PdPR.

Jadual 3: Analisa jaringan internet yang dilanggan

Jaringan internet	Bilangan	Peratusan
Maxis Hotlink	10	25.0%
Celcom	7	17.5%
Umobile	1	2.5%
Digi	4	10.0%
Tunetalk	3	7.5%
RedOne	2	5.0%
Yes	1	2.5%
TM Unifi	12	30.0%

Jadual di atas menunjukkan analisa jaringan internet yang dilanggan oleh sampel. Melalui analisa ini disimpulkan bahawa majoriti sampel menggunakan pakej internet yang dilanggan

untuk kegunaan telefon bimbit, iaitu sebanyak 67.5% selebihnya menggunakan modem yang dilanggan dari Syarikat Yes dan Syarikat TM Unifi.

Jadual 4: Analisa peruntukan bulanan bagi pelanggan pakej internet

Anggaran peruntukan	Bilangan	Peratusan
Kurang dari RM50	6	15.0%
Kurang dari RM100	17	42.5%
Kurang dari RM150	8	20.0%
Lebih dari RM150	9	22.5%

Jadual di atas menunjukkan analisa peruntukan bulanan bagi pelanggan pakej internet. Peratusan terbesar iaitu sebanyak 42.5% dari keseluruhan sampel pelanggan pakej internet yang berharga kurang daripada RM100 dan 15% dari sampel adalah pelanggan pakej internet kurang dari RM50 sebulan.

Jadual 5: Analisa kaedah pendekatan yang guru/pensyarah laksanakan semasa PdPR

Pendekatan PdPR	Bilangan	Peratusan
Dalam talian sahaja	17	42.50%
Gabungan dalam talian dan luar talian	23	57.50%

Jadual di atas menunjukkan analisa teknik pendekatan guru atau pensyarah dalam melaksanakan PdPR. Sebanyak 57.5% dari sampel menjalani PdPR dengan kaedah pembelajaran secara gabungan iaitu dalam talian dan luar talian. Kita dapat lihat trend pendekatan guru yang menyesuaikan situasi dengan kaedah pengajarannya. Guru dan pensyarah telah sedia maklum akan situasi pelajar yang menghadapi kekangan berpunca dari capaian internet yang tidak stabil, justeru mengurangkan sesi pembelajaran secara dalam talian tetapi dalam masa yang sama pelajar akan tetap meneruskan pembelajaran cuma bezanya ada ketika di mana pelajar akan menjalani PdP secara luar talian sahaja iaitu menggunakan buku teks, buku aktiviti dan sebagainya.

Jadual 6: Analisa kepuasanhati pelajar terhadap pelaksanaan PdPR

Tahap kepuasan	Bilangan	Peratusan
Sangat puas hati	7	17.50%
Puas hati	9	22.50%
Neutral	12	30%
Tidak puas hati	11	27.50%
Sangat puas hati	1	2.50%

Jadual di atas menunjukkan analisa ketidakpuasanhati pelajar terhadap pelaksanaan PdPR yang dilaksanakan oleh kerajaan. Berdasarkan analisa, taburan sampel yang berpuas hati adalah sekata dengan sampel yang tidak berpuas hati dan bersikap neutral. Hal ini menunjukkan bahawa orang ramai masih pada tahap menyesuaikan diri dengan situasi ini di mana kita perlu mementingkan pelajaran dan berusaha untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran walaupun tidak dapat hadir ke sekolah.

Jadual 7: Analisa pendapat pelajar mengenai kefahaman topik yang diajar

Tahap kefahaman	Bilangan	Peratusan
Sangat mudah difahami	6	15.0%
Mudah difahami	4	10.0%
Neutral	13	32.5%
Sukar difahami	12	30.0%
Sangat sukar difahami	5	12.5%

Jadual di atas menunjukkan analisa pendapat pelajar apabila ditanya berkaitan tahap kefahaman pelajar semasa pembelajaran. Peratusan sampel yang menyatakan mereka mudah faham adalah sedikit berbanding sampel yang berhadapan dengan kesukaran untuk memahami pelajaran. Ini dapat disimpulkan bahawa PdPR ini memerlukan banyak pembaikan agar PdP dapat berjalan dengan lebih teratur dan lancar.

Persepsi pelajar mengenai PdPR

Melalui borang soal selidik, sampel ditanya mengenai pendapat mereka tentang PdPR. Antara respons mereka ialah;-

"Susah nak faham terutamanya subjek yang melibatkan fakta seperti Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris"

"Masalah utama PdPR adalah kami tidak mendapat capaian internet yang stabil"

"Internet selalu *lag*, susah nak faham cikgu cakap apa"

"Skrin kecil, tak puas nak tengok"

"Asyik kena tunduk je, sakit badan"

Berdasarkan respons mereka, kajian mendapati sebab utama masalah semasa PdPR berlaku adalah berpunca dari penggunaan peranti yang tidak sesuai disamping tidak mendapat capaian internet yang stabil.

4. Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk menganalisa statistik penggunaan jenis gajet dan status capaian internet yang digunakan oleh pelajar semasa PdPR. Kajian ini juga menghubungkan faktor kesukaran menyediakan gajet dan capaian internet yang sesuai dengan kelancaran pelajar melaksanakan sesi PdPR. Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada guru dalam menyesuaikan kaedah PdP bagi meneruskan pelajar menerima pendidikan yang sewajarnya terutama dalam situasi pandemik Covid-19 ini, sekurang-kurangnya sementara ibu bapa atau pelajar menyediakan gajet dan capaian internet yang lebih sesuai bagi melaksanakan pendidikan.

Dapatan kajian menunjukkan hanya peratusan kecil sampel mampu menyediakan alat peranti elektronik yang bersesuaian bagi menjalankan PdPR. Menurut kajian Talaat et al. (2020), kekangan yang dihadapi oleh pelajar ialah masalah teknikal seperti mendapatkan gajet dan peranti yang sesuai untuk menjalani pembelajaran secara dalam talian. Ini dapat dikaitkan dengan situasi ekonomi golongan B40. Satu kenyataan akhbar oleh Sinar Harian menyatakan pelajar B40 kerap ketinggalan dalam kelas online. Apatah lagi sewaktu pandemik Covid-19 berlaku, ramai ibu bapa yang terkesan dan perlu mementingkan wang saraan mereka bagi

membeli makanan dan barang dapur daripada membeli atau menyediakan alat peranti elektronik yang bukanlah murah. Alat peranti elektronik yang paling minima iaitu telefon pintar pun sudah memerlukan sekurang-kurangnya RM500 bagi mendapatkan telefon pintar yang berkualiti. Hal ini turut disokong oleh kajian Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2020) yang menyatakan 55.1% responden kajian beliau tidak pernah menjalani pembelajaran dalam talian sebelum pandemik berlaku, ibu bapa perlu menyediakan sesuatu yang pada mulanya bukanlah suatu keperluan utama.

Begitu juga dengan keperluan internet. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan ibu bapa atau pelajar perlu memperuntukkan wang bagi membeli pakej internet. Pakej internet asas tidak mampu menampung data internet yang diperlukan untuk mengakses aplikasi berbentuk video seperti Google Meet, ZOOM dan sebagainya. (Nurazah Umar, 2020). Situasi pandemik ini menghalang kebanyakan sektor ekonomi berjalan dan membantutkan usaha orang ramai mencari pendapatan. Rata-rata golongan B40 menyediakan pakej capaian internet paling minima sekadar untuk mendapatkan akses internet menggunakan aplikasi chatting yang sudah menjadi corak perhubungan semua orang. Kajian ini berlokasi di kawasan bandar. Sungguhpun di kawasan bandar, peratusan individu yang mendapat capaian internet yang stabil adalah minoriti.

Kajian lanjutan boleh dibuat dengan menggunakan sampel yang lebih besar agar hasil kajian lebih tepat, menukar lokasi ke kawasan luar bandar serta menganalisis statistik kumpulan B40 yang memanfaatkan peruntukan Kredit Telekomunikasi yang disediakan oleh kerajaan.

Rujukan

- Abidah, Azmil, Hasan Nuurul Hidaayatullaah, Roy Martin Simamora, Daliana Fehabutar dan Mutakinati. (2020). "The Impact of Covid-19 to Indonesian Education and Its Relation to the Philosophy of 'Merdeka Belajar.'" *Studies in Philosophy of Science and Education*.
- Aimi Liyana Sha'rani. (2021). *Persepsi Guru Sekolah Terhadap Pedagogi dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aisyah Inani Mohd Saad, Azua Zaini & Ahmad Faiq Ramli. (2021). *Kajian Pengintegrasian Teknologi Melalui Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah dalam kalangan Pendidik Genius Negara*
- Bibi Noraini Mohd Yusof dan Jihan Ahmad. (2020). *Are we prepared enough? A Case Study Of Challenges In Online Learning In A Private Higher Learning Institution During The Covid-19 Outbreaks*. *Advances in Social Sciences Research Journal – Vol.7, No.5*
- Gonzalez, T., M. A. de la Rubia, K. P. Hincz, M. Comas-Lopez, L. Subirats, S. Fort, and G. M. Sacha. (2020) "Influence of COVID-19 Confinement in Students Performance in Higher Education."
- Goyal, S. (2020). *Impact of Coronavirus on Education in India*.
- Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny dan Nazarius G. Yulip. (2020). *Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*
- Marni Izzati Kamaruddin. (2019). *Perbezaan Tahap Pengetahuan, Penggunaan dan Penerimaan Guru Bahasa Melayu Berdasarkan Faktor Umur dan Pengalaman Mengajar Ketika Mengaplikasikan Persekitaran Pembelajaran Maya*. *Jurnal Dunia Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN:2180-4842-Vol. 10 Bil. 2 (ov 2020) 15-28

- Mohd Asyraf Mohd Farique & Mohd Aiman Mohd Fauzi. (2021). Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. DOI: 10.47548.ijistra.2021.32
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof, Hapini Awang. (2020). Kesiediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19
- Norazah Umar, Jamal Othman, Rozita Kadar & Nurhafizah Ahmad. (2020). Covid-19 Merealisasikan Aplikasi Teknologi Dalam Pendidikan. ISBN:978-967-0841-88-5
- Nur Akalili Mohd Amin & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal dunia Pendidikan*. o. 2, 344-361
- Sinar Harian. Pelajar B40 Kerap Ketinggalan dalam Kelas Online. 25 Ogos 2021
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Internet survey 2020.
<http://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf>. IUS. 2020
- Tamilmullai Thannimalai dan Salini Baloh. (2021). Cabaran PdPR Bahasa Tamil di Sekolah Luar Bandar. *MJSSH Online: Volume 5- Issue 2 (Aprl, 2021)*, Pages 183 – 190
- Wu, Xiaogang. (2019). “Inequality and Social Stratification in Postsocialist China.” *Annual Review of Sociology* 45:363–82.